

05 JUN 2001

Mahathir-Kewangan

DR MAHATHIR PEGANG JAWATAN MENTERI KEWANGAN BUAT SEMENTARA

PUTRAJAYA, 5 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata buat sementara waktu beliau akan memegang jawatan Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-tugas Khas yang dikosongkan oleh Tun Daim Zainuddin.

"Pagi tadi, saya telah memberitahu Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan bahawa saya sekarang menjadi pemangku Menteri Kewangan," kata Perdana Menteri kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Beliau juga mengesahkan bahawa Daim telah meletak jawatan daripada semua kedudukan kerajaan dan juga sebagai Bendahari Umno.

Ketika ditanya sama ada sama pelantikannya (Dr Mahathir) itu akan kekal, beliau berkata ia hanya sementara sehingga orang baru dilantik.

Dr Mahathir pernah menjadi Menteri Kewangan lewat 1998 ekoran krisis kewangan serantau.

Ketika ditanya mengenai kriteria untuk menjadi seorang Menteri Kewangan, Dr Mahathir berkata : "Ia mestilah seorang yang sesuai untuk menjadi seorang Menteri Kewangan."

Mengenai spekulasi media tentang calon yang termasuk bekas Gabenor Bank Negara Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman, Anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah, Penolong Gabenor Bank Negara Datuk Dr Awang Adek Hussein dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Arab-Malaysian Tan Sri Azman Hashim, Perdana Menteri: "Saya tak tahu, saya akan tengok senarainya.

"Saya masih terbuka dan sedia menerima cadangan daripada akhbar."

Kepada satu soalan, beliau berkata Daim tidak lagi menjadi anggota Majlis Tertinggi Umno kerana beliau telah meletak jawatan sebagai bendahari parti, yang merupakan jawatan yang dilantik.

Ketika ditanya sama ada kedudukan beliau sebagai pemangku Menteri Kewangan akan berlanjutan sehingga pembentangan Belanjawan tahun ini, Dr Mahathir berkata: "Jika saya ada pengetahuan secukupnya mengenai kewangan, saya akan menjadi menteri (kewangan) yang akan hadir pada dialog (menjelang Belanjawan).

"Pada masa ini, saya saya belum yakin lagi."

Peletakan Daim berkuatkuasa 1 Jun diumumkan Sabtu lepas oleh Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MOT MR SHY MAI